



# PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN



# 24

沙巴團結黨二十四屆中央代表大會 PARTI BERSATU SABAH KE-



## Perutusan

### **PRESIDEN PARTI BERSATU SABAH (PBS)**

**Salam Hormat, Salam Sejahtera, Salam Bersatu dan Salam 1 Malaysia!**

Terlebih dahulu, dalam kesempatan ini, marilah kita memanjatkan syukur dan terima kasih kepada Tuhan Yang Maha Kuasa kerana dengan berkat dan restuNya kita dapat bersama-sama pada hari yang sungguh bermakna dan bertuah ini, bagi mengadakan pertemuan diantara pemimpin agung Malaysia dengan para pejuang dan penyokong Parti Bersatu Sabah.

Pada tahun ini, Parti Bersatu Sabah telah mencapai usianya yang Ke-24 tahun, dan satu lagi tahun yang ditunggu-tunggu dengan hati yang berkobar-kobar, sampailah Parti Bersatu Sabah kepada ulangtahunnya yang ke-25. Justeru dalam kesempatan ini, saya bagi pihak Parti Bersatu Sabah dan seluruh anggota serta penyokong mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Najib Bin Tun Hj. Abdul Razak yang sudi hadir bersama-sama kita, sekaligus merasmikan Kongres Parti Bersatu Sabah Kali yang Ke-24, Tahun 2009 ini.

Kita amat bertuah kerana mempunyai Perdana Menteri yang baru, yang mempunyai visi serta mengalami perasaan dan aspirasi rakyat pada keseluruhannya. Dengan pandangan yang jauh, pemikiran yang bijaksana, fahaman serta pengertian yang mendalam mengenal aspirasi rakyat Malaysia secara keseluruhannya, menjangkau negeri Sabah dan Sarawak, kita telah diberi satu tiupan semangat melalui slogan "1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan," yang memberi harapan baru kepada kita.

Penekanan beliau bahawa kita sebagai rakyat Malaysia yang harus bersatu padu, patriotik, dan cintakan negara, yang ditiupkan melalui slogan ini, demi memperbaiki, menghalusi, dan memastikan halatuju rakyat Malaysia, khususnya di negeri Sabah akan terus menikmati kemajuan, keselesaan, keadilan, kesaksamaan dan kemakmuran.

Ini diperkuatkan lagi dengan pengiktirafan 16 September 1963 sebagai permulaan wujudnya negara Malaysia yang diumumkan oleh beliau baru-baru ini, sekaligus ini memberikan kelegaan kepada seluruh rakyat di negeri Sabah dan Sarawak, dan sebahagian besar daripada kesakitan dalam hati sanubari itu telah terubat dengan pengumuman tarikh 16 September sebagai Hari Malaysia dan Cuti Umum Kebangsaan mulai tahun hadapan.

Ini adalah satu permulaan sejarah baru negara Malaysia, yang mana Perdana Menteri sendiri mengiktiraf bahawa kita adalah satu keluarga dalam negara Malaysia yang mempunyai perbezaan-perbezaan tertentu, sekaligus kepelbagaian itulah yang menjadi kekuatan kepada negara sesuai dengan slogan 'Perpaduan dalam kepelbagaian'.

Jelas beliau telah memikirkan jalan-jalan itu dengan begitu mendalam mengambil kira keperluan dan aspirasi rakyat di negeri Sabah yang begitu banyak sekali. Harapan kita agar Perdana Menteri tidak akan jemu-jemu mendengar rayuan, pandangan, pendapat dan aspirasi daripada rakyat di negeri Sabah dan juga di negeri Sarawak.

Saya bagi pihak Parti Bersatu Sabah, dengan semangat berkobar-kobar dan sokongan yang jitu menyokong serta mengalu-alukan permulaan pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru ini untuk membawa kita, rakyat negeri Sabah ke arah transformasi impian 1Malaysia. Syabas dan Tahniah.

**YB DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN DATUK KITINGAN**  
Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS)